



## 1.4 LANGKAH MEMPERTAHANKAN KEDAULATAN

@icebearrawrr



### MEWUJUDKAN POLITIK DAN KEMAKMURAN EKONOMI

- Pemerintah melaksanakan pentadbiran dengan cekap dan menjalankan pelbagai usaha serta program bagi memajukan ekonomi
- Rakyat memberikan kerjasama sepenuhnya untuk menjayakan semua usaha dan program yang dilaksanakan oleh pemerintah



#### PEMERINTAH

- Mewujudkan pentadbiran yang cekap
- Mengelakkan amalan rasuah dalam pentadbiran
- Memastikan agihan sumber kekayaan negara secara adil kepada semua kaum melalui dasar pembangunan ekonomi
- Melaksanakan undang-undang negara menurut perlembagaan secara berkesan

#### RAKYAT

- Memberi kesetiaan kepada raja dan negara
- Menyokong segala usaha dan dasar kerajaan bagi mewujudkan kestabilan politik
- Memupuk kerjasama dengan semua kaum supaya agihan kekayaan negara dinikmati oleh semua
- Mematuhi undang-undang negara



### MENGUKUHKAN PERTAHANAN NEGARA

- Pemerintah dan rakyat bertanggungjawab untuk mempertahankan negara daripada ancaman musuh
- Pertahanan negara penting untuk mengekalkan kedaulatan negara kita



#### PEMERINTAH

- Menggubal dasar dan undang-undang untuk melindungi keselamatan negara
- Mengadakan perjanjian pertahanan serta latihan ketenteraan bersama-sama negara serantau dan antarabangsa
- Memodenkan aset ketenteraan untuk mengukuhkan pasukan pertahanan negara
- Memastikan pasukan keselamatan sentiasa bersiap-siaga menghadapi cabaran semasa

#### RAKYAT

- Peka terhadap isu keselamatan negara. Contohnya memberi maklumat tentang pencerobohan sempadan negara
- Mengelakkan kalobrasi dengan pihak luar yang boleh mengancam keselamatan dan kedaulatan negara
- Menganggotai pasukan keselamatan dan pasukan sukarelawan untuk mempertahankan negara
- Sanggup berkorban demi mempertahankan kedaulatan negara



## MENGEKALKAN PERPADUAN KAUM



- Sejak awal kemerdekaan, pemerintah dan rakyat berusaha untuk mengekalkan perpaduan kaum
- Perpaduan penting dalam usaha kita mengekalkan kedaulatan negara

### PEMERINTAH

- Menggubal dasar dan undang-undang berkaitan dengan perpaduan kaum serta integrasi nasional
- Memastikan keberkesanan pelaksanaan dasar berkaitan dengan bahasa , pendidikan dan kebudayaan oleh kementerian serta agensi berkaitan
- Merangka program serta kempen ke arah memupuk perpaduan kaum dan integrasi nasional
- Memperuntukkan perbelanjaan yang mencukupi untuk program memupuk perpaduan kaum

### RAKYAT

- Menggunakan bahasa kebangsaan dan menghayati prinsip Rukun Negara yang dapat menjamin perpaduan kaum
- Memahami dan menghormati agama serta budaya pelbagai kaum
- Mengamalkan semangat perkongsian , bertoleransi dan saling menghormati sesama rakyat Malaysia
- Melibatkan diri dalam program kemasyarakatan yang dapat memupuk kerjasama antara kaum

## MEMUPUK PATRIOTISME



- Patriotisme ialah perasaan cinta yang mendalam terhadap negara serta sanggup mempertahankan sejarah, bahasa , undang-undang, warisan dan budaya
- Patriotisme merupakan nadi kepada kebebasan , kestabilan, dan kemajuan sesebuah negara

### PEMERINTAH

- Menganjurkan sambutan Hari Kemerdekaan dan Hari Pahlawan untuk menimbulkan kecintaan terhadap negara
- Mewajibkan mata pelajaran sejarah sebagai mata pelajaran teras di sekolah bagi melahirkan generasi yang peka terhadap sejarah negara
- Menganjurkan kempen dan menerbitkan filem atau rencana untuk memupuk patriotisme melalui pelbagai media
- Memberi pengiktirafan kepada rakyat Malaysia yang berjasa kepada negara dengan mengabdiakan nama mereka pada bangunan dan jalan

### RAKYAT

- Menghormati lambang negara seperti bendera Jalur Gemilang, Jata Negara dan lagu Negaraku
- Menyanjungi dan menghargai adat dan warisan negara
- Meningkatkan imej negara dengan melakar kejayaan dalam bidang pendidikan , sukan dan ekonomi
- Menghargai tokoh pelbagai kaum yang berjuang untuk kemerdekaan dan kedaulatan negara

**GOOD VIBES**

@icebearrawrr